

15/03/2002

Majalah asing disaman jika memfitnah

Wan Hazmir Bakar; Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana penerbitan asing yang memaparkan maklumat menyeleweng mengenai negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata, kerajaan menerusi Kementerian Dalam Negeri akan terus memantau kandungan majalah asing, bagi memastikan tulisan mengenai negara ini tepat dan tidak menyalahi fakta.

Bercakap kepada pemberita di Lobi Parlimen, hari ini, beliau berkata, tindakan terhadap majalah asing itu boleh diambil mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Mengenai permohonan maaf secara terbuka dan bertulis penerbit majalah Time, Rais berkata, kerajaan menerima permohonan maaf itu.

"Dengan permohonan itu, kerajaan tidak akan mengambil sebarang tindakan seperti yang dicadangkan sebelum ini.

"Ini kerana, permohonan itu akan dapat membersihkan nama Malaysia dan dunia kini mengetahui Malaysia tidak seperti yang dilabel penerbit majalah Time," katanya.

Sebelum ini, Rais mencadangkan Pejabat Peguam Negara mengambil tindakan undang-undang terhadap penerbit majalah itu sebagai usaha membersihkan imej Malaysia.

Time dalam keluarannya sebelum ini memaparkan gambar Jalur Gemilang tetapi pada masa sama, menggantikan imej bintang dengan wajah Osama Bin Laden serta meletakkan senapang automatik bersilang di depan bendera itu dengan cuba menggambarkan Malaysia sebagai negara penganas.

Penyiaran gambar itu menimbulkan kemarahan sehingga timbul desakan supaya kerajaan menamatkan segera pembelian ruang iklan pelancongan mengenai negara dalam Time kerana secara jelas memburukkan imej negara.

Semalam, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dilaporkan berkata, surat permohonan maaf yang diterima 7 Mac lalu itu dikeluarkan Ibu Pejabat Time di London dan ditandatangani penerbit antarabangnya, Andrew Butcher.

Dalam surat itu, Abdul Kadir berkata, Butcher menawarkan iklan percuma di kulit belakang Time untuk kementerian mempromosikan Malaysia.

Abdul Kadir berkata, beliau akan meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menulis artikel dalam Time.

(END)